

10 FEB 1998

Jantung-penerima

"TERIMA KASIH KERANA BERI SAYA KEHIDUPAN KEDUA" KATA PENERIMA JANTUNG

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- "Terima kasih kerana berikan saya kehidupan kedua," kata R. Sathrugnan, penerima jantung pertama Malaysia, kepada doktor-doktor yang melakukan pembedahan ke atasnya dan keluarga penderma jantung itu.

Kata-kata ini tidak cukup untuk merakamkan perasaan terhutang budi kepada mereka yang bertanggungjawab memberikannya kehidupan kedua, kata juruteknik berusia 51 tahun itu kepada pemberita di sini hari ini, 55 hari selepas pembedahan bersejarah itu dilakukan oleh Institut Jantung Negara (IJN).

Sathrugnan dari Klang, yang dikesan menghidap "penyakit jantung peringkat serius" menunggu selama tujuh bulan sebelum menjalani pemindahan jantung itu pada 18 Dis lepas.

Bapa kepada enam anak berusia antara 18 dan 28 tahun itu, yang kelihatan sihat dan gembira pada penampilan umum pertamanya sejak pembedahan itu, berkata beliau mengetahui mengenai kesihatan dirinya apabila diserang sakit jantung pada 1990.

Beliau menjalani pembedahan koronari angioplasti empat tahun kemudian bagi memulihkan saluran koronari dan ditempatkan dalam senarai penerima jantung IJN.

Empat lagi pesakit masih lagi disenaraikan selepas beberapa orang yang lain semakin baik keadaan mereka atau meninggal dunia sementara menunggu sumbangan jantung.

Hadir pada persidangan berita itu ialah isteri Sathrugnan, M. Rachael, 44, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, pengerusi IJN Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh dan Ketua Pakar Pembedahan Kardiotrasik IJN Datuk Dr Yahya Awang, yang mengetuai sekumpulan 16 anggota pembedahan melakukan pembedahan itu.

Kejayaan pembedahan pemindahan jantung Sathrugnan itu adalah genap 30 tahun selepas pembedahan pemindahan jantung pertama dilakukan oleh Dr Christian Bernard di Cape Town, Afrika Selatan.

Dr Yahya, yang juga pakar bedah yang menjalankan pembedahan pintasan jantung ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1989, mengetuai pembedahan itu dengan bantuan Datuk Dr Ahmad Saleehuddin, Mohamed Azhari Yaacob, Datuk Dr Mohamed Hassan Mohamed Arif, Dr Sharifah Suraya Syed Mohamed Tahir, Dr Azlina Abdul Jalil, Datuk Dr Robaayah Zambahari, Dr David Chiew Soon Ping, Dr Aizai Azan Abdul Rahman dan sekumpulan paramedik.

IJN membuat persiapan pemindahan jantung itu sejak dua tahun lepas dan menghantar sekumpulan pakar bedah, pakar kardiologi, pakar bius, pakar perfusi dan jururawat-jururawat ke Hospital Alfred, Melbourne, Australia, untuk menjalani latihan sambil kerja di unit pemindahan yang aktif.

Butir-butir mengenai penderma jantung itu sebelum ini dirahsiakan atas permintaan keluarganya tetapi Chua hari ini mendedahkan bahawa penderma itu ialah seorang lelaki Cina berusia 22 tahun yang menghidapi ketumbuhan dalam otak dan telah menjalani pembedahan.

Penderma itu, yang namanya masih lagi dirahsiakan, telah meminta supaya organ-organnya didermakan kepada mereka yang memerlukan dan ibu bapanya mematuhi permintaan terakhirnya itu. Dua pesakit telah menerima buah pinggangnya. Otaknya juga tidak berfungsi ketika jantungnya diambil.

Sebelum pemindahan itu, Sathrugnan, yang dibenarkan keluar dari IJN pada 17 Jan lepas, langsung tidak mampu memberus giginya atau berdiri sendiri tetapi kini boleh berjalan di atas penginjak selama 12 minit.

Ditanya mengenai rancangannya, Sathrugan, yang pernah bekerja di Sulawesi, Indonesia, berkata beliau mahu membuka sebuah bengkel kecil di tempat asalnya.

Chua pula berkata kira-kira 100 orang saudara mara dan rakan-rakan, yang menghadiri upacara pengebumian penderma itu, sangat terharu dengan tindakannya dan mereka juga berjanji akan menderma organ mereka.

Beliau berkata selepas kejayaan pemindahan jantung itu, IJN menerima satu atau dua panggilan sehari daripada orang ramai yang meminta borang bagi berjanji untuk mendermakan jantung mereka.

Terdapat kira-kira 20,000 pesakit jantung di negara ini dan kira-kira 1,000 daripada mereka memerlukan pemindahan jantung.

Penerima jantung yang pertama, Louis Washkansky, hanya mampu bertahan selama 16 hari manakala penerima yang masih hidup dan paling lama bertahan selepas 19 tahun kini tinggal di Amerika Syarikat. -- BERNAMA

NHD NAK